



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 28 (09 JULAI – 15 JULAI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-28 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,421 kes berbanding 2,488 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 67 kes (2.7%). Tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-28 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-28 adalah sebanyak 63,966 kes berbanding 27,914 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 36,052 (129.2%). Manakala sejumlah 45 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 19 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini adalah sama dengan minggu sebelumnya, iaitu 112 lokaliti hotspot. Dari jumlah tersebut, 76 lokaliti berada di Selangor, 21 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Kedah, tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Perlis dan Sabah serta masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan Melaka.

Bagi surveilan chikungunya tiga (3) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-28. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 142

kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,638 sampel darah dan 100 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan kesemuanya adalah negatif.


Pelbagai bekas berpotensi pembiakan nyamuk Aedes boleh dijumpai di tempat tumpuan awam seperti taman rekreasi, kompleks membeli belah, sekolah, pasar, stadium dan sebagainya. Antara bekas berpotensi pembiakan nyamuk Aedes adalah, tong sampah yang tidak bertutup, bekas makanan dan minuman serta barang lusuh. Masyarakat dinasihatkan untuk menjaga kebersihan tempat tumpuan awam serta melupuskan sampah di dalam tempat yang telah disediakan. Bagi mengelak gigitan nyamuk ketika berada di tempat tumpuan awam, pakai pakaian yang menutup anggota badan serta gunakan bahan repelan nyamuk pada anggota badan yang terdedah. Mencegah lebih berkesan berbanding mengubati.

Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


28 Julai 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-28 dan ke-27 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-28 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-28 tahun 2023